

RM5 juta naik taraf sungai

Projek mampu tampung kuantiti air sehingga 100 tahun

NORAFIZA JAAFAR

RAWANG – Sebanyak RM5 juta diperuntukkan Kerajaan Negeri untuk meneruskan kerja naik taraf Sungai Rawang yang tertangguh lebih tiga tahun itu.

Jurutera Jabatan Pengairan Saliran Daerah Gombak, Ir Mohd Fuad Buang berkata, projek itu melibatkan melebarkan dan mendalamkan sungai serta memasang konkrit menggantikan tanah pada struktur sungai.

Menurutnya, projek yang melibatkan jajaran satu kilometer itu dijangka mampu menampung kuantiti air untuk jangka masa 100 tahun dan mampu menyelesaikan masalah banjir yang dihadapi penduduk terutamanya di Pekan Rawang.

“Projek yang memakan

masa 64 minggu ini dijadualkan siap Januari 2013 turut akan menyediakan perangkap mendapan bagi memastikan aliran air sungai lancar.

“Kita juga minta orang awam dan penduduk supaya tidak membuang sampah di sungai untuk mengelakkan sampah tersumbat seterusnya membawa kepada masalah banjir berulang,” katanya selepas sesi dialog bersama penduduk kampung Lin Tan, semalam.

Ditanya tentang masalah yang bakal dihadapi sepanjang projek berjalan katanya, ia melibatkan rumah penduduk yang hampir dengan sungai, utiliti, kebun dan cuaca.

“Kita sedaya upaya akan cuba elak daripada merobohkan rumah penduduk yang terlalu hampir dengan sungai.

“Kita juga sedang meneliti

utiliti kabel Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan akan meminta kerjasama mereka untuk mengalihkannya untuk memastikan projek itu berjalan lancar,” katanya.

Mohd Fuad berkata, beliau meminta penduduk yang terlibat dapat memberikan kerjasama terutamanya jika jarak projek berada dalam kawasan rumah dan tanaman.

Sementara itu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Rawang, Gan Pe Nei berkata, sepanjang beliau menjadi wakil rakyat isu Sungai Rawang sentiasa dalam perhatiannya.

Menurutnya, beliau berpuas hati dengan proses pelaksanaan projek sekarang kerana berjalan lancar dan kini sedang dalam proses lantikan perunding.

“Berbeza kontraktor dulu, mereka diberikan lantikan te-



Mohd Fuad (berdiri) ketika menerangkan projek naik taraf Sungai Rawang kepada penduduk.

rus dan dilihat kurang berkemahiran apabila gagal menyiapkan projek pada masa ditetapkan dan hanya 10 peratus projek berjalan bermula 2006 hingga 2008.

“Kegagalan kontraktor menyiapkan projek menyebabkan lantikan mereka

dibatalkan dan memilih untuk melantik kontraktor baru melalui peruntukan Kerajaan Negeri,” katanya.

Ditanya tentang pampasan kepada rumah terlibat katanya, beliau sedia untuk berbincang dengan pihak berkaitan supaya menyedia-

kan pampasan sekiranya terdapat rumah penduduk yang terlibat.

Beliau berharap melalui projek naik taraf itu mampu menyelesaikan masalah penduduk yang menghadapi masalah banjir apabila hujan lebat melanda.